

HUBUNGAN MOTIVASI DENGAN TAHAP PENGUASAAN QIRĀ'ĀT AL-SAB'IE DALAM KALANGAN PELAJAR KELAS KEMAHIRAN AL-QUR'AN (KKQ) DI NEGERI PERAK

Ahmad Junaidi Mohamad Said & Mohd Abdul Nasir Abd Latif

ABSTRACT

Qira'at is a branch of al-Qur'an which was given attention by the Muslim community in Malaysia. This knowledge has led to a renewed interest in the community to study the Qur'an in general. This paper examines the relationship between motivation and level of reading al-Sab'ie qira'at among students in special classes of reading and memorization of the Quran (KKQ) at Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) in Perak. This study used a quantitative approach using questionnaires and *syafawi* tests. A total of 308 respondents participated, representing all regions of the Perak state. The findings showed that respondents' intrinsic motivation were at high level ($\text{min} = 4.01$, $\text{sd} = 0.77$), and extrinsic motivation of respondents were at moderate level ($\text{min} = 3.15$, $\text{sd} = 1.11$). The overall level of students' motivation were at a moderate level ($\text{min} = 3.58$, $\text{sd} = 0.95$). The level of the *al-sab'ie* qira'at is at a moderate level ground ($\text{min} = 2.95$). The findings also showed no significant correlation ($r = 0.219$) between the motivation of respondents with their reading proficiency level against *al-qira'at al-Sab'ie*. This suggests that the motivating factors can affect the ability of respondents, however the motivation is not the main factor perse.

Keywords: *Class Skills Qur'an (KKQ), Qira'at al-Sab'ie, Motivation, Possession Qira'at.*

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak
MALAYSIA
mabdnasir@gmail.com

PENGENALAN

al-Qira'at adalah satu ilmu yang membincangkan tentang wajah bacaan (tatacara pembacaan) kalimah-kalimah al-Qur'an dan cara mempraktikkannya sama ada yang disepakati atau diperselisihkan dengan bersandarkan kepada perawinya (al-Qadhi, 2005). Ia satu ilmu yang mulia kerana ia membincangkan tentang kaedah menyebut huruf dan kalimah al-Qur'an (Sabri et al., 2009). Mempelajari dan mempraktikkan ilmu ini memerlukan kegiatan melafazkan al-Qur'an. Kegiatan ini berpahala dan dijanjikan ganjaran yang besar sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w; "Sesiapa yang membaca satu huruf daripada kitab Allah maka dikurniakan kepadanya satu kebaikan. Kebaikan tersebut mempunyai tujuh kali ganda. Aku tidak maksudkan *alif lam mim* itu satu huruf, akan tetapi *alif* itu satu huruf, *lam* itu satu huruf dan *mim* itu satu huruf" (al-Tirmizi, 2015).

Ilmu Qira'at di Malaysia telahpun berkembang menerusi pengajaran bacaan riwayat Hafs dari Imam Asim iaitu salah satu daripada bacaan dalam Qira'at sab'i. Namun begitu hanya riwayat ini sahaja yang disebar luas dalam pengajaran al-Qur'an tanpa disedahkan dengan pengetahuan bacaan riwayat dari imam-imam yang lain. Penjelasan yang terhad ini menjadikan tahap pengetahuan tentang kewujudan cara bacaan yang lain amat terhad dan hanya berlebar dalam kalangan mereka yang mempelajari al-Qur'an secara pengkhususan. Menurut Mohd Hilmi et al. (2012), pengetahuan pelajar di Malaysia majoritinya hanya tahu bacaan al-Qur'an menurut riwayat Hafs dari Imam 'Asim.

Bagi memberi pendedahan yang berterusan kepada masyarakat Islam di Malaysia, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melalui Jabatan Pengajian Islam dan Moral telah mewujudkan Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafal atau singkatan Kelas Kemahiran al-Qur'an (KKQ) di sekolah-sekolah tertentu bagi melahirkan pengajaran Qira'at yang berkualiti di Malaysia. Kelas KKQ telah ditubuhkan pada tahun 1986 seiring dengan penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di seluruh Malaysia (Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, 2008).

Kini KKQ telah berusia lebih 30 tahun. Keupayaan pelajar yang mengikuti kelas ini perlu diperhalusi bagi memastikan sejauh mana tahap penguasaan pelajar terhadap kandungan sukatan pelajaran yang diperuntukkan. Dalam waktu yang sama, apakah apakah faktor motivasi untuk mempelajari cara bacaan al-Qur'an berdasarkan Qira'at al-Sab'e berperanan dalam meningkatkan tahap penguasaan al-qirā'āt al-sab'e dalam kalangan pelajar.

TINJAUAN LITERATUR

Perbincangan berikut akan menyentuh dua dimensi utama dalam kajian ini iaitu al-Qirā'āt al-Sab'e Dalam Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an (KKQ) dan elemen-elemen motivasi yang mempengaruhi hasil pembelajaran yang berkesan khasnya dalam pembelajaran al-Qirā'āt al-Sab'e.

al-Qirā'āt al-Sab'e Dalam Kelas Kemahiran Al-Qur'an (KKQ)

Sekitar sepuluh tahun yang lalu, al-Qirā'āt al-Sab'e dianggap asing di Malaysia. Sedek Ariffin (2008) menyatakan ini berlaku disebabkan al-Qirā'āt al-Sab'e tidak dimasyhurkan di Malaysia walaupun ilmu ini berkembang luas pada zaman Nabi Muhammad s.a.w dan zaman selepasnya. Masyarakat Islam di Malaysia seolah-olah hanya mengetahui bacaan riwayat Hafs dari Imam 'Asim sahaja yang wujud dan apabila dibacakan dengan riwayat lain seperti bacaan riwayat Imam Hamzah ia seolah-olah bukannya dari al-Qur'an.

Fenomena ini telah berubah. Ini disebabkan ilmu ini mula diperkenalkan sejak di bangku persekolahan menerusi KKQ dan seterusnya ia mula dijadikan kursus wajib yang ditawarkan di institusi-institusi pengajaran tinggi. Di peringkat diploma, kursus Qira'at ditawarkan oleh Darul Quran (JAKIM). Ia kemudiannya menjadi induk dalam bidang al-Qiraat yang diiktiraf oleh kerajaan apabila dilaksanakan atas usahasama dengan pelbagai Maahad Tahfiz Negeri serta kolej seperti Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri Kedah, Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat (MAIK), Kelantan, Institut Al -Quran Kuala Lumpur dan lain-lain. Di peringkat ijazah pula ia ditawarkan di Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) yang menawarkan Ijazah Sarjana Muda al-Qur'an dan al-Sunnah (al-Qiraat) (3 ½ Tahun pengajaran sepenuh masa), Kolej Universiti Islam

Selangor (KUIS) yang menawarkan Ijazah Sarjana Muda Al-Quran Dan Al-Qiraat (4 tahun pengajian sepenuh masa) dan Kolej Universiti Insaniah (KUIN) yang menawarkan Ijazah Sarjana Muda Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat (8 semester sepenuh masa).

Penguasaan pelajar terhadap Qira'at al-Sab'ie secara asasnya dinilai dari aspek penguasaan *usul al-Qira'at* dan *Farsh al-Huruf*. Untuk tujuan itu, Bahagian Pendidikan Islam (BPI) pada tahun 1992 telah menggariskan objektif pelaksanaan KKQ yang melibatkan Qira'at al-Sab'ie adalah mengetahui, membezakan dan membaca wajah-wajah Qira'at al-Sab'ie. Oleh itu dalam huraian sukanan tingkatan satu, dua dan tiga, mata pelajaran Qira'āt al-Sab'ie menekankan penguasaan *Usul al-Qirā'āt* (kaedah umum) dan *Farsh al-Huruf* (kaedah khusus) yang melibatkan surah-surah pilihan tertentu. Berdasarkan Buku panduan KKQ (2008) penguasaan *Usul al-Qirā'āt* (kaedah umum) dan *Farsh al-Huruf* (kaedah khusus) meliputi perkara-perkara berikut;

- a. *Ithbat al-Alif* iaitu mengekalkan huruf Alif dan dibaca dengan panjang atau mad dengan kadar dua harakat.
- b. *Hazf al-Alif* iaitu membuang huruf Alif dan membaca dengan pendek atau tanpa mad.
- c. *Silah Mim al-Jam'* ialah memanangkan kata *Mim al-Jam'*.
- d. *Idgham al-Kabir* iaitu memasukkan huruf yang pertama berbaris kepada huruf yang kedua juga berbaris dengan syarat tertentu. Bacaan *Idgham al-Kabir* ini hanya dibaca oleh *Imam Abu 'Amriwayat al-Susi*.
- e. *Al-Qasr* iaitu bacaan huruf *mad* dengan kadar panjang bacaannya satu alif atau dua harkat. Bacaan *Al-Qasr* dibaca oleh *Imam Nafi' riwayat Qalun*, *Imam Ibn Kathir* dan *Imam Abu 'Amr*.
- f. *Al-Tawasut* iaitu bacaan huruf hamzah yang diiringi oleh huruf mad, maka kadar panjangnya ialah dua alif iaitu empat harkat. Membaca huruf mad antara *Al-Ishba'* dan *Al-Qasr* atau memanangkan huruf mad dengan kadar empat harakat sahaja.
- g. *Al-Ishba'* iaitu memanangkan suara dengan kadar tidak kurang dari enam harkat. Bacaan *al-Ishba'* dibaca oleh *Imam Nafi' riwayat Warsh* dan *Imam Hamzah*.
- h. *Mad al-Muttasil* iaitu huruf mad bertemu dengan huruf *hamzah* dalam satu kalimah. Riwayat *Warsh* dan *Imam Hamzah* membaca dengan kadar 6 harkat. Manakala *Qurro'* lain membacanya sebanyak 4 harkat.
- i. *Mad al-Munfasil* iaitu huruf mad bertemu dengan huruf *hamzah* dalam dua kalimah. Riwayat *Qalun* dan *al-Duri* membaca dengan dua wajah iaitu 2 harkat dan 4 harkat, Riwayat *Imam Ibn Kathir* dan *al-Susi* membaca dengan 2 harkat, Riwayat *Warsh* dan *Imam Hamzah* membaca dengan kadar 6 harkat. Riwayat *Imam* lainnya membacanya sebanyak 4 harkat.
- j. *Ishmam* iaitu memuncungkan dua bibir ke hadapan sejurus selepas mematikan huruf *dammah* ketika *waqf* sebagai isyarat berbaris *dammah* (tanpa bersuara). *Ishmam* pada percampuran sebutan dua huruf iaitu huruf (ص) dan huruf (ج) – percampuran sebutan antara huruf (ص) dengan huruf (ج) melahirkan suatu bunyi seakan-akan bunyi (ڻ).
- k. *Naql* iaitu memindahkan baris yang terdapat pada huruf *Hamzah* kepada huruf *sakin* yang berada sebelumnya dan membuang huruf *Hamzah* tersebut. Bacaan *Naql* adalah bertujuan untuk memudahkan sebutan bacaan. Ia merupakan salah satu daripada jenis-jenis bacaan yang dikenali sebagai *Takhfif* dalam ilmu Qira'āt.
- l. *Sakthah* iaitu menghentikan bacaan sekejap tanpa bernafas dan menyambung bacaan dengan nafas yang sama. Iaitu memutuskan suara pada huruf bertanda sukun tanpa menarik nafas yang baru.
- m. *Imalah* iaitu bacaan condong, iaitu bunyi antara Fathah dan Kasrah (antara *Alif* dan *Ya'*). Ia dikenali juga dengan *ImalahKubra* iaitu sesuatu bunyi yang terhampir sekali dengan kasrah. Bacaan *Imalah* tidak dapat dibaca dengan tepat kecuali dengan secara *talaqqi* dengan guru al-Qur'an.
- n. *Taqlil* iaitu *ImalahSughra* iaitu bunyi diantara Fathah dan *Imalah*. Bacaan *Taqlil* tidak dapat dibaca dengan tepat kecuali dengan secara *talaqqi* dengan guru al-Qur'an.
- o. *Tarqiq Ra'* iaitu menipiskan bunyi huruf *Ra'* yang dilafazkan tetapi mulut itu tidak dipenuhi dengan suatu gema. Ianya adakalanya mudah dilakukan dan kadang-kadang sukar untuk dilaksanakan. Bacaan *TarqiqRa'* hanya dibaca menurut *Imam Nafi' riwayat Warsh*. *Warsh* membaca *TarqiqRa'* sama ada berbaris *Fathah*, *Kasrah* atau *Dammah*, berada di tengah atau pun di hujung kalimah,
- p. *TaghlizLam* iaitu menebalkan bunyi huruf *Lam* yang dilafazkan sehingga memenuhi ruang mulut disertai dengan suatu gema. Bacaan *TaghlizLam* hanya dibaca menurut *Imam Nafi' riwayat Warsh* pada

semua huruf *Lam* berbaris fathah sama ada berbaris *tashdid* atau tidak, samada ketika huruf *Lam* terletak di tengah atau di hujung, dengan syarat apabila didahului dengan huruf ظ dan ص yang berbaris *fathah* atau *sukun* seperti أَظْلَمُ، الظَّلَاقُ، الصَّلَةُ. Maka huruf *Lam* pada kalimah-kalimah tersebut dibaca dengan tebal seperti bunyi antara baris *fathah* dan *dammah*.

- q. *Bidun al-Ghunnah* ialah bacaan secara tidak dengung apabila *nun sakinah* bertemu huruf *Waw* dan *Ya'*. Bacaan *Bidun al-Ghunnah* dibaca oleh *Imam Hamzah* riwayat *Khallaf*.
- r. *Ha' al-Kinayah* ialah memanjangkan *Ha'* *Damir* إِنْهٗ dan *عَنْهٗ*. *Ha' al-Kinayah* adalah *Ha'* tambahan yang menunjukkan Mufrad Muzakkir Ghaib (Kata ganti nama tunggal). *Ha' al-Kinayah* boleh terjadi pada *Ism* (kata nama), *Fe'il* (kata kerja) dan *Hurf* (kata sendi). Bacaan *Ha' al-Kinayah* ini hanya dibaca oleh *Imam Ibn Kathir* manakala imam yang lain membaca secara tanpa *Ha' al-Kinayah*.
- s. *Tahqiq* ialah membunyikan huruf secara sempurna (menjelaskan sebutan huruf hamzah).

Pengetahuan tentang istilah-istilah khusus Qirā'āt perlulah disusuli dengan cara bacaan yang betul dan tepat sebagaimana diturunkan. Merujuk kepada sukatan KKQ, taburan surah-surah yang terlibat bagi tingkatan satu adalah surah al-Fatiyah, surah al-Ikhlas, surah al-Falaq dan surah al-Nas. Bagi tingkatan dua pula surah al-Kafirun, surah al-Nasr dan surah al-Masad manakala tingkatan tiga adalah surah al-Fil, surah Quraish, surah al-Ma'un dan surah al-Kaushar.

Elemen-Elemen Motivasi Yang Mempengaruhi Hasil Pembelajaran.

Ngalim Purwanto (1990) membahagikan kepada dua faktor yang mempengaruhi hasil pembelajaran yang berkesan. Faktor pertama adalah faktor individual iaitu faktor yang wujud dalam diri sendiri. Ia meliputi kemahiran, sikap, adab, kecerdasan, latihan, motivasi dan minat. Faktor kedua pula adalah faktor sosial iaitu faktor yang terdapat diluar individu. Ia meliputi pengaruh keluarga, guru, media pelajaran, persekitaran, prasarana yang tersedia dan motivasi sosial.

Perkataan motivasi pada asasnya boleh dikatakan sebagai satu bentuk dorongan dalaman yang dialami oleh manusia. Beck (2000) menyatakan bahawa motivasi adalah satu istilah yang menerangkan beberapa variasi pada tingkah laku manusia, seperti mengapa seseorang itu lebih tekun daripada individu yang lain.

Menurut Muhammad Kamil (2001), motivasi merupakan elemen yang penting dalam menghasilkan pembelajaran yang sempurna. Ini kerana motivasi merupakan suatu kaedah pengajaran yang boleh merangsang minat pelajar dalam mata pelajaran yang diikuti. Vellnagel (2011) pula memberi makna motivasi sebagai kesediaan manusia untuk bertindak atau berhadapan dengan sesuatu untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Biasanya manusia akan bersedia dan sanggup bertindak melakukan sesuatu apabila mempunyai dorongan yang tinggi untuk berbuat demikian.

Weiner (2013) pula menganggap motivasi terdiri dari tiga komponen utama iaitu kesungguhan, arahan dan ketekunan dalam melakukan sesuatu tindakan dan aktiviti. Motivasi yang ada pada seseorang individu tidak dapat dilihat secara langsung kerana motivasi ini lahir dari dalaman individu. Motivasi juga berbeza dalam setiap individu bergantung kepada personaliti dan pegangan individu tersebut. Walau bagaimanapun, proses motivasi sering dikaitkan dengan pencapaian kepada matlamat.

Motivasi tidak sama kuatnya pada individu, dan motivasi dalam diri seseorang tidak tetap, kadang-kadang kuat, kadang-kadang lemah, bahkan pada suatu saat motivasi dapat hilang sama sekali. Motivasi merupakan faktor penting yang bersifat non intelektual, yang dapat mendorong seseorang itu untuk melakukan sesuatu kegiatan belajar sehingga terjadi perubahan perilaku untuk mencapai suatu tujuan berupa prestasi belajar yang tinggi (Lightbown & Spada, 2013). Justeru, motivasi adalah dorongan dari dalam iaitu motif yang berupa harapan dan keinginan yang bersifat mendorong dan menggerakkan individu.

Mahy al-Din Tuq et al. (2003, h. 207) mengklasifikasikan motivasi kepada motivasi fisiologi dan motivasi psikologi. Motivasi psikologi pula dikaitkan dengan dua faktor, iaitu faktor dalaman dan faktor luaran yang masing-masing dikenali sebagai (*Dawafi' Nafsiyyat Dakhiliyyat*) iaitu motivasi intrinsik dan (*Dawafi' Nafsiyyat Kharijiyyat*) iaitu motivasi ekstrinsik.

Motivasi intrinsik

Motivasi intrinsik ialah dikenali motivasi dalaman. Dorongan intrinsik timbul kerana memenuhi keperluan fisiologi dan psikologi (Rohaty Mohd. Majzub, 1992, h. 29). Ia juga merupakan ciri semula jadi manusia untuk mengatasi segala cabaran dan rintangan dalam usaha untuk mendapatkan sesuatu yang diingininya. Jenis motivasi ini juga dikaitkan dengan faktor dalam diri seperti keperluan, minat, rasa ingin tahu, kepuasan kendiri dan lain-lain.

Pelajar yang mempunyai keinginan intrinsik tidak memerlukan apa-apa bentuk insentif atau hukuman untuk melakukan perkara tersebut kerana aktiviti itu sendiri telah dapat memenuhi kepuasan dan keperluan dalaman pelajar itu. Pelajar yang memiliki motivasi intrinsik tidak memerlukan pengaruh luaran untuk mencapai matlamat kerana pelajar akan memperolehi keseronokan dan mendatangkan kepuasan hati.

Nordin Mamat (2001) dalam kajiannya berkata motivasi intrinsik umumnya ditingkatkan oleh minat peribadi dalam pembelajaran dan membantu pelajar meletakkan matlamat pembelajaran pada diri mereka. Oleh itu, pelajar yang mempunyai motivasi intrinsik akan memperoleh pencapaian yang signifikan dalam pembelajaran Qirā'āt al-Sab'ie mereka. Malah, pelajar yang bermotivasi intrinsik lebih cenderung untuk berusaha dalam pembelajaran itu dan mencapai tujuannya.

Motivasi intrinsik ini boleh dikaitkan dengan pemboleh ubah tidak bersandar/bebas yang ingin dikaji seperti jantina, tempat tinggal, tahap bacaan al-Qur'an, belajar Qirā'āt al-Sab'ie dan taraf pendidikan keluarga. Motivasi ini bermaksud keinginan pelajar untuk belajar kerana desakan dalaman yang kuat. Pelajar yang mempunyai pendekatan motivasi ini cenderung untuk belajar dan seronok dengan pencapaian akibat daripada pembelajaran Qirā'āt al-Sab'ie. Mereka suka belajar demi mencapai matlamat pembelajaran itu untuk masa depannya.

Motivasi Ekstrinsik

Motivasi Ekstrinsik dikenali sebagai motivasi luaran. Motivasi jenis ini menjurus kepada keinginan untuk bertindak yang disebabkan oleh faktor dari luar diri *external* individu (Mohammad Shatar Sabran, 2005, h. 9). Segala aktiviti motivasi jenis ini adalah bertujuan untuk mendapatkan ganjaran seperti hadiah, sijil, pujian, mengelak daripada hukuman, mendapat perhatian guru atau rakan sebaya dan apa sahaja sebab yang hanya bertujuan untuk memenuhi kehendak jangka pendek dan kendiri.

Jika motivasi ekstrinsik berlaku, pelajar akan berasa diri mereka dimanipulasikan untuk mendapat pujian dan ganjaran (Rohaty Mohd. Majzub, 1992, h. 29). Ini kerana motivasi ekstrinsik muncul disebabkan keinginan kepada pengiktirafan dan persetujuan semata-mata. Aspek kewangan juga merupakan faktor luaran yang mampu mengawal tingkah laku manusia. Pembelajaran hanya menjadi jambatan untuk memperoleh matlamat. Kesannya pemindahan pembelajaran sukar berlaku kerana selepas sahaja ganjaran ekstrinsik diterima, pelajar mudah dan akan lupa apa yang telah dipelajari. Oleh itu, pelajar perlu berhati-hati dan bijaksana apabila dirangsang oleh motivasi jenis ini dengan pelbagai bentuk ganjaran dalam situasi pembelajaran dalam bilik darjah.

Menurut Mohd. Sharani Ahmad et al. (2003, h. 67), motivasi ekstrinsik berkait rapat dengan pengukuhan. Pengukuhan ialah proses di mana sesuatu peristiwa yang berlaku secara luaran disebabkan oleh sesuatu respon yang diterima meningkat. Justeru, apa sahaja yang diperoleh semasa pembelajaran Qirā'āt al-Sab'ie atau perubahan tingkah laku yang positif dikenali sebagai pengukuhan yang positif, dan begitu juga sebaliknya. Kesimpulannya, peneguhan dalam bentuk intrinsik dan ekstrinsik akan menyebabkan pelajar itu bertindak selanjutnya untuk mengulangi tingkah laku yang bermotivasi dalam mengekalkan kecemerlangan hidup. Konsep motivasi bukan setakat melibatkan sesuatu keperluan dan keinginan yang menggerakkan tingkah laku atau pembelajaran seseorang, bahkan juga dari segi hala tuju yang diambil oleh seseorang itu untuk memuaskan keperluan dan keinginannya.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut;

1. Mengenal pasti tahap motivasi pelajar terhadap pembelajaran Qirā'āt al-Sab'ie.
2. Mengenal pasti tahap penguasaan Qirā'āt al-Sab'ie dalam kalangan pelajar KKQ di negeri Perak
3. Menganalisis hubungan antara motivasi dengan tahap penguasaan Qirā'āt al-Sab'ie dalam kalangan pelajar KKQ di negeri Perak.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini ialah kajian tinjauan yang menggunakan pendekatan kuantitatif. Data diperolehi menerusi dua instrumen iaitu satu set borang soal selidik dan ujian lisan. Bagi set borang soal selidik, ia mengandungi 14 item yang berkaitan dengan motivasi mempelajari Qirā'āt al-Sab'ie. Item motivasi dibahagi kepada dua iaitu item motivasi intrinsik dan item motivasi ekstrinsik. Ujian lisan pula untuk mengetahui tahap penguasaan dalam membaca Qirā'āt al-Sab'ie. Tahap penguasaan berpandukan kepada dua ujian iaitu ujian *syafawi* surah al-Fatihah dan ujian *syafawi* topikal yang melibatkan ayat-ayat berkaitan dari surah-surah yang telah ditentukan dalam sukatan pelajaran. Borang pemarkahan yang digunakan pula telah diubah suai dari borang pemarkahan ujian lisan peperiksaan Kelas Kemahiran Membaca dan Menghafal al-Quran yang digunakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Sebanyak 308 orang responden sekolah menengah telah dijadikan sampel kajian yang diambil secara persampelan rawak berstrata. Ini berdasarkan jumlah populasi 1100 orang pelajar lelaki dan perempuan tingkatan 2; maka sampel kajian se banyak 308 pelajar dipilih mengikut persampelan rawak berstrata (*stratified sampling procedure*) mengikut jadual yang dikeluarkan oleh Krejcie dan Morgan (1979). Penyelidik telah membahagikan sampel kajian kepada dua bahagian zon iaitu zon utara dan zon selatan. Zon 1 (Utara) mewakili daerah Kerian, Larut Matang dan Selama, Hulu Perak dan Kuala Kangsar se banyak 153 sampel manakala Zon 2 (Selatan) telah mewakili daerah Kinta, Manjung, Perak Tengah, Hilir Perak dan Batang Padang sebanyak 155 sampel pelajar. Secara keseluruhannya, ia melibatkan 15 buah sekolah yang menawarkan KKQ.

Data kajian telah dianalisis secara deskriptif iaitu kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Ini digunakan bagi menjelaskan profil motivasi dengan tahap penguasaan Qirā'āt al-Sab'ie dalam kalangan pelajar KKQ di negeri Perak. Statistik korelasi Spearman rho juga digunakan untuk mengkaji hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian. Gred pemarkahan bagi ujian *syafawi* pula berdasarkan gred yang diguna pakai oleh peperiksaan ujian *syafawi* KKQ yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (2014). Kategori penilaian tersebut adalah seperti dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1

Skala penilaian Qirā'āt al-Sab'ie

Skala	Skor	Kategori
5	70-100	Cemerlang
4	50-69	Sangat baik
3	40-49	Baik
2	31-39	Lulus
1	00-30	Gagal

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, berikut adalah dapatan kajian yang diperolehi menerusi analisis data yang telah dijalankan.

Motivasi Intrinsik Responden

Tahap motivasi intrinsik responden yang mengikuti KKQ dalam kalangan pelajar Kelas Khas Membaca dan menghafaz al-Quran (KKQ) di negeri Perak dapat dilihat dalam jadual 2;

Jadual 2

Taburan Skor Min Dan Sisihan Piawai Motivasi Intrinsik Responden

Item	Kekerapan & Peratus (N = 308)					Min	SP	Int
	STS	TS	KS	S	SS			
Saya tahu kelebihan mempelajari Qirā'āt al-Sab'ie.	0.6 (2)	1.0 (3)	22.1 (68)	47.1 (145)	29.2 (90)	4.03	0.78	Tinggi
Saya bersemangat untuk belajar Qirā'āt al-Sab'ie.	0.3 (1)	0.6 (2)	18.5 (57)	51.3 (158)	29.2 (90)	4.08	0.73	Tinggi
Qirā'āt al-Sab'ie dapat membina sikap dan gaya hidup saya.	0.6 (2)	2.6 (8)	24.7 (76)	50.6 (158)	29.2 (90)	3.90	0.78	Sederhana tinggi
Kualiti bacaan al-Qur'an saya meningkat setelah mempelajari Qira'at al-Sab'ie.	0.0 (0)	0.6 (2)	11.7 (36)	45.5 (140)	42.2 (130)	4.29	0.69	Tinggi
Saya mendapat kepuasan apabila dapat membaca Qirā'āt al-Sab'ie.	0.3 (1)	2.3 (7)	15.9 (49)	52.6 (162)	28.9 (89)	4.07	0.75	Tinggi
Saya suka bertanya kepada guru apabila saya tidak dapat membaca Qirā'āt tertentu.	1.3 (4)	6.5 (20)	33.1 (102)	43.5 (134)	15.6 (48)	3.66	0.87	Sederhana tinggi
Keseluruhan						4.01	0.77	

Petunjuk:

STS: Sangat tidak setuju TS: Tidak Setuju KS: Kurang Setuju S: Setuju SS: Sangat setuju

Jadual 2 menunjukkan taburan skor kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai motivasi intrinsik responden. Secara keseluruhannya, motivasi intrinsik responden berada pada tahap tinggi (min = 4.01, sp = 0.77). Tiga item mendapat min tinggi iaitu tahu kelebihan mempelajari Qirā'āt al-Sab'ie (min = 4.03, sp = 0.78) bersemangat untuk belajar Qirā'āt al-Sab'ie (min = 4.08, sp = 0.73), kualiti bacaan al-Qur'an meningkat setelah mempelajari Qira'at al-Sab'ie (min = 4.29, sp = 0.69), mendapat kepuasan apabila dapat membaca Qirā'āt al-Sab'ie (min = 4.07, sp = 0.751). Terdapat dua item yang mendapat min sederhana tinggi iaitu suka bertanya kepada guru apabila saya tidak dapat membaca Qirā'āt (min = 3.66, sp = 0.87) dan Qirā'āt al-Sab'ie dapat membina sikap dan gaya hidup (min = 3.90, sp = 0.78).

Motivasi Ekstrinsik Responden

Tahap motivasi ekstrinsik responden yang mengikuti KKQ dalam kalangan pelajar Kelas Khas Membaca dan menghafaz al-Quran (KKQ) di negeri Perak dapat dilihat dalam Jadual 3 berikut:

Jadual 3 menunjukkan taburan skor kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai motivasi ekstrinsik responden. Secara keseluruhannya, motivasi ekstrinsik responden berada pada tahap sederhana tinggi (min=3.15, sp=1.11). Terdapat empat item mendapat min sederhana tinggi iaitu lebih bersungguh-sungguh dalam pembelajaran Qirā'āt al-Sab'ie apabila ada penghargaan dari guru (min = 3.64, Sp = 1.17), sering bertanya kepada guru Qirā'āt al-Sab'ie untuk meningkat kemahiran bacaan (min = 3.61, sp = 0.89), suka memerdengarkan bacaan Qirā'āt al-Sab'ie kepada guru (min = 3.43, sp = 0.99), dan suka memerdengarkan bacaan Qirā'āt al-Sab'ie kepada ibu bapa (min = 3.11, sp = 1.02). Tiga item mencatat min sederhana rendah iaitu mempelajari Qirā'āt al-Sab'ie atas kehendak ibu bapa (min = 2.59, sp = 1.27), pernah membaca Qirā'āt tertentu dalam solat fardu (min = 2.96, sp = 1.19) dan mempelajari Qirā'āt al-Sab'ie atas kehendak guru (min = 2.73, sp = 1.25).

Jadual 3

Taburan Skor Min Dan Sisihan Piawai Motivasi Ekstrinsik Responden

Item	Kekerapan & Peratus (N = 308)					Min	SP	Int
	STS	TS	KS	S	SS			
Saya lebih bersungguh-sungguh dalam pembelajaran Qirā'āt al-Sab'ie apabila ada penghargaan dari guru.	5.5 (17)	12.7 (39)	21.4 (66)	33.4 (103)	26.9 (83)	3.64	1.17	Sederhana tinggi
Saya sering bertanya kepada guru Qirā'āt al-Sab'ie untuk meningkat kemahiran bacaan.	1.9 (6)	7.5 (23)	32.5 (100)	43.8 (135)	14.3 (44)	3.61	0.89	Sederhana tinggi
Saya suka memerdengarkan bacaan Qirā'āt al-Sab'ie saya kepada guru.	4.2 (13)	12.7 (39)	30.5 (94)	41.2 (127)	11.4 (35)	3.43	0.99	Sederhana tinggi
Saya suka memerdengarkan bacaan Qirā'āt al-Sab'ie saya kepada ibu bapa.	7.8 (24)	15.9 (49)	41.2 (127)	27.3 (84)	7.8 (24)	3.11	1.02	Sederhana tinggi
Saya pernah membaca Qirā'āt tertentu dalam solat fardu saya.	15.6 (48)	17.9 (55)	29.2 (90)	29.2 (90)	8.1 (25)	2.96	1.19	Sederhana rendah
Saya mempelajari Qirā'āt al-Sab'ie atas kehendak guru.	22.4 (69)	19.5 (60)	28.2 (87)	22.1 (68)	7.8 (24)	2.73	1.25	Sederhana rendah
Saya mempelajari Qirā'āt al-Sab'ie atas kehendak ibu bapa.	26.0 (80)	22.1 (68)	27.6 (85)	15.3 (47)	9.1 (28)	2.59	1.27	Sederhana rendah

Keseluruhan**3.15 1.11**

Petunjuk:

STS: Sangat tidak setuju TS: Tidak Setuju KS: Kurang Setuju S: Setuju SS: Sangat setuju

Penguasaan Qirā'āt Al-Sab'ie Dalam Kalangan Pelajar KKQ

Ujian *syafawi* surah dalam kalangan pelajar KKQ diuji dengan membaca surah al-Fatihah berdasarkan beberapa riwayat al-Qirā'āt al-Sab'ie iaitu menurut *riwayat Qunbul, Imam Ibnu Kathir, Al-Susi Imam Abu 'Amr dan Khalf Imam Hamzah*. Manakala Ujian *syafawi* topikal dalam kalangan pelajar KKQ diuji dengan membaca wajah bacaan tertentu yang meliputi bacaan secara *Naql, Saktah, Tarqiq ra', Ha' Kinayah, Imalah, Taqil, Taghliz Lam, Qasr, Tawassut dan Isyba'* pada ayat-ayat yang terpilih. Penguasaan Qirā'āt al-Sab'ie berdasarkan ujian ini seperti dalam Jadual 4.

Jadual 4

Penguasaan Qirā'āt Al-Sab'ie Dalam Kalangan Pelajar KKQ

Penilaian	Gagal	Lulus	Baik	Sangat Baik	Cemerlang	Min
<i>syafawi</i> surah al-Fatihah	20 6.4%	92 29.8%	114 37.0%	72 23.3%	10 3.2%	2.87
<i>syafawi</i> topikal Qirā'āt al-Sab'ie	26 08.4%	107 18.1%	109 35.3%	56 34.7%	10 3.2%	2.73
Tahap penguasaan Keseluruhan Qirā'āt al-Sab'ie (al-Fatihah + Topikal)	16	86	114	82	10	2.95

Tahap penguasaan **2.95** = Sederhana rendah

Jadual 4 menunjukkan penguasaan pelajar KKQ membaca surah lengkap iaitu surah al-Fatihah menurut Qirā'āt al-Sab'ie pada tahap sederhana rendah (min = 2.87) dengan catatan 10 orang pelajar (3.2%) yang mencapai tahap cemerlang, 72 orang (23.3%) berada pada tahap bacaan yang sangat baik, 114 orang (37.0%) berada pada tahap baik, 92 pelajar (29.8%) pada tahap lulus dan 20 pelajar (6.4%) didapati gagal. Manakala penguasaan pelajar KKQ bagi ujian syafawi topikal dalam Qirā'āt al-Sab'ie juga pada tahap sederhana rendah (min = 2.73) dengan catatan 10 orang pelajar (3.2%) mencapai tahap cemerlang, 56 orang (18.1%) mencapai tahap bacaan yang sangat baik, 109 orang (35.3%) mencapai tahap baik, 107 orang (34.7%) mencapai tahap lulus dan 26 orang (8.4%) didapati gagal. Oleh itu, secara keseluruhannya pencapaian bagi penguasaan qira'at al-Sab'ie adalah pada tahap sederhana lemah (min = 2.95).

Korelasi Antara Motivasi Dengan Penguasaan Qirā'āt Al-Sab'ie Dalam Kalangan Pelajar KKQ

Jadual 5 berikut menunjukkan hubungan antara skor min motivasi dengan tahap penguasaan membaca Qirā'āt al-Sab'ie dalam kalangan pelajar KKQ di negeri Perak.

Jadual 5

<i>Korelasi Antara Motivasi Dengan Tahap Penguasaan Membaca Qirā'āt al-Sab'ie</i>			
Pembolehubah	N	R	Sig. p
Motivasi	308	0.219	0.000**
Tahap penguasaan membaca Qirā'āt al-Sab'ie.			

** Nilai alpha 0.01

Berdasarkan Jadual 5, nilai korelasi skor min motivasi dengan tahap penguasaan membaca Qirā'āt al-Sab'ie adalah $r = .219$ iaitu pada tahap yang rendah. Ini menunjukkan peranan motivasi adalah rendah untuk menentukan penguasaan membaca al-Qur'an Qira'at al-Sab'ie.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Motivasi pelajar dalam mempelajari Qira'at al-Sab'ie diukur dari dua aspek iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Secara keseluruhannya, motivasi intrinsik berada pada tahap tinggi (min = 4.01, sp = 0.77) manakala motivasi ekstrinsik berada pada tahap sederhana tinggi (min = 3.15, sp=1.11). Tahap keseluruhan bagi motivasi pelajar adalah pada tahap sederhana tinggi (min = 3.58, sp = 0.95). Dapatkan ini menunjukkan pelajar KKQ mempunyai motivasi yang baik dalam mempelajari Qira'at al-Sab'ie. Analisis data juga menggambarkan motivasi intrinsik mencapai tahap yang lebih tinggi berbanding motivasi ekstrinsik. Ini menunjukkan desakan faktor individu iaitu faktor yang wujud dalam diri sendiri pelajar sangat kuat untuk menguasai ilmu ini. Pelajar KKQ memiliki rangsangan minat dan kesediaan untuk bertindak atau berhadapan dengan sesuatu untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan sebagaimana yang telah dibincangkan oleh Muhammad Kamil (2001) dan Vellnagel (2011). Fenomena ini sangat baik dalam penyediaan diri seorang pelajar dalam usaha untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan dalam kurikulum Qira'at al-Sabie.

Data yang diperolehi berkaitan motivasi ekstrinsik menunjukkan pelajar mendapat dorongan dari faktor motivasi luaran pada tahap yang sederhana tinggi. Ini menggambarkan bahawa persekitaran pelajar KKQ masih memerlukan ruang dan galakan bagi menguasai Qira'at al-Sabie. Dalam waktu yang sama, ia menunjukkan ilmu qira'at masih lagi dianggap baru oleh segelintir masyarakat. Oleh itu kenyataan Sedek Ariffin (2008) yang menyatakan al-Qirā'āt al-Sab'ie dianggap asing di Malaysia disebabkan al-Qirā'āt al-Sab'ie tidak dimasyhurkan di Malaysia walaupun ilmu ini berkembang luas pada zaman Nabi Muhammad s.a.w dan zaman selepasnya masih relevan walaupun ilmu ini telah diperkenalkan sejak 30 tahun lalu.

Secara keseluruhannya pencapaian bagi penguasaan qira'at al-Sab'ie adalah pada tahap sederhana lemah (min = 2.95) manakala hubungannya dengan kemahiran individu terhadap penguasaan membaca al-Qur'an secara al-Qira'at al-Sab'ie berada pada tahap rendah ($r = .219$). Dapatkan ini menunjukkan pihak yang berkaitan perlu menilai kembali faktor-faktor lain yang mempengaruhi pencapaian dan penguasaan pelajar. Ini kerana pelajar KKQ sebenarnya bermotivasi untuk menguasai qira'at al-Sab'e namun begitu ia tidak cukup untuk membantu pelajar menguasai kemahiran tersebut. Dalam waktu yang sama, motivasi berbeza antara setiap individu dan bergantung kepada personaliti dan pegangan individu tersebut sebagaimana yang dibincangkan oleh Weiner

(2013). Faktor-faktor lain khasnya berkaitan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mesti diberikan perhatian yang serius bagi membantu penguasaan pelajar KKQ dalam menguasai qira'at al-Sab'ie.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa faktor motivasi secara asasnya boleh mempengaruhi kebolehan pelajar menguasai qira'at al-Sab'ie, tetapi motivasi bukanlah faktor utama yang boleh mempengaruhi prestasi penguasaan seseorang. Faktor lain yang boleh mempengaruhi kebolehan pelajar seperti faktor kecerdasan, konsep kendiri, strategi pengajaran dan pembelajaran dan sebagainya perlu dititikberatkan bagi membantu pelajar menguasai kemahiran qira'at al-Sab'ie. Dalam waktu yang sama, peranan komuniti luar termasuk ibu bapa juga diperlukan dalam menyokong perkembangan motivasi dalam pelajar supaya dapat berkembang dan menyumbang secara maksimum.

RUJUKAN

- Abd Al-Fattah Abd Al-Ghani Al-Qadi.(2005). *Al-Wafi Fi Sharh Al-Shatibiyah*. Jeddah, Arab Saudi: Maktabah Sawadi.
- al-Qadhi, 'Abd Al-Fatta (2005), *al-Buzur al-Zahirah fi al-Qira'at al-Asharah al-Mutawatirah*. Damsyik, Syria: Maktabah al-Halabiyyah.
- al-Tirmizi, Muhammad bin Isa (1417h). *Sunan al-Tirmizi*. Muhammad Nasir al-Din al-Albani (Ed.). Riyadh, Arab Saudi: Maktabah al-Ma'arif.
- Beck, H. W. (2004). *Intelligence, motivation: Theories and principles*. London: Pearson.
- Lightbown, P. M., & Spada, N. (1999). *How languages are Learned*. Oxford University Press.
- Mohd Hilmi Rozali. (2012). Pemahaman Guru Tentang Konsep Asas Ilmu Qira'at; Qira'at Imam Asim dan Qira'at Imam Hamzah. *Journal Of Islamic And Arabic Education*, 3 (2), 61-72.
- Muhammad Kamil Mat Zin. (2001). *Minat Dan Motivasi Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Pendidikan Islam KBSM: Satu Tinjauan Ke Atas Pelajar-Pelajar Tingkatan 4 Di Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Adang, Gelang Patah, Johor Bahru, Johor*. Tidak diterbitkan. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Ngalim Purwanto. (1990). *Psikologi pendidikan*. Jakarta, Indonesia: Remaja Rosdakarya.
- Sabri Mohamad, Mohd Faizulamri Mohd Saad, Rokiah Ahmad, Mohd Akil Muhammed Ali, Mohd Nazri Ahmad, Ashraf Hj Ismail, Muhammad Hafiz Jamil, & Nor Rahayu Mujahid. (2010). *Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Pengantar Qiraat Dan Hafazan Di Universiti Kebangsaan Malaysia*. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Pendidikan Dan Penyelidikan Qiraat. Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS). 25 - 26 Disember 2010.
- Sedek Ariffin. (2008). *Kaedah bacaan Qiraat Hamzah: Kajian di Darul Quran Kuala Kubu Bharu, Selangor*. (Disertasi Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- Weiner, B. (2013). *Human motivation: Metaphors, theories and research*. Thousand Oaks, CA: Sage.